



## SEKOLAH MENENGAH ISLAM HIDAYAH PASIRIRIS

Jalan Syufaat, Kg. Olak Batu,  
86400 Parit Raja, Batu Pahat,  
Johor Darul Takzim.

Tel: 07-4530148

Web: [smihbp.hidayah.edu.my](http://smihbp.hidayah.edu.my)

Email: [smih.bp@hidayah.edu.my](mailto:smih.bp@hidayah.edu.my)

Kepada:

Ruj. Kami : SMIH BP 50.10/25 (01)

Tarikh : 24 Januari 2025

**Ibu bapa/ Penjaga,**

Sekolah Menengah Islam Hidayah Pasirris  
Batu Pahat

Assalamualaikum w.r.t,

### MAKLUMAN PEMBAYARAN YURAN PERSEKOLAHAN TAHUN 2025

Semoga tuan/puan dirahmati Allah s.w.t.

2. Terlebih dahulu pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih atas komitmen pembayaran yuran yang tuan/puan berikan selama ini. Semoga Allah memberkati dan memurahkan rezeki tuan/puan dari semasa ke semasa.
3. Berikut adalah maklumat yuran persekolahan bagi tahun 2025 seperti di **Lampiran 1**. Tarikh mula dan akhir bayaran yuran adalah seperti berikut :

#### **Tarikh Pembayaran Bagi Murid Baharu**

Tarikh Mula : 01 Februari 2025

Tarikh akhir : 12 Februari 2025

#### **Tarikh Pembayaran Bagi Murid Sedia Ada**

Tarikh Mula : 25 Jan 2025

Tarikh Akhir: 31 Jan 2025

4. Untuk maklumat tuan/puan, kadar yuran pengajian SMIH BP untuk sesi 2025 adalah seperti di lampiran 1. Yayasan Pendidikan Hidayah (YPH) berbesar hati menawarkan tajaan RM10 sebulan (RM110 sepanjang tahun 2025) untuk sesi Februari 2025 - Disember 2025. Bagi murid sedia ada, Borang Maklum Balas telah dimasukkan ke dalam Channel rasmi SMI Hidayah BP pada 8 Januari 2025 dah telah ditutup pada 15 Januari 2025. Bagi murid baharu, tuan/puan dikehendaki mengisi Borang Maklum Balas sebelum **05 Februari 2025** seperti pautan di bawah:  
<https://hidayah.edu.my/kewangan/SumbYPH-BP>
5. Sekiranya tuan/puan masih mempunyai yuran sesi 2024/2025 yang masih belum dijelaskan (boleh semak di web sekolah untuk mendapatkan jumlah bayaran), bayaran yuran tersebut hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum membuat bayaran yuran persekolahan tahun 2025. Sila rujuk Lampiran 3 untuk Kaedah Bayaran Yuran.
6. Untuk pengetahuan ibu bapa, pihak sekolah akan menyediakan kemudahan asrama dengan ketetapan kadar seperti yang disertakan di dalam lampiran. Ibu bapa yang berminat, boleh membuat permohonan melalui pautan ini  
<https://smihbp.hidayah.edu.my/mohon-daftar-asrama/>.

7. Bagi ibu bapa baharu, senarai dokumen serahan dalam **lampiran 5 perlu dikumpulkan dalam format PDF** dan dimuatnaik melalui borang berikut: [Dokumen Murid Baharu](https://forms.gle/otDAR4J6a5Zv5a658) ( <https://forms.gle/otDAR4J6a5Zv5a658> ).
8. Semua ibu bapa / penjaga baharu dan sedia ada dikehendaki membaca dan memahami **Polisi Yuran** seperti di **Lampiran 4**. Ibu bapa /penjaga perlu memuatnaik Polisi Yuran tersebut yang telah lengkap bertandatangan dan memuat naik dalam format PDF bersama dokumen yang diperlukan. Ibu bapa / penjaga sedia ada perlu memuatnaik dokumen melalui borang berikut: <https://forms.gle/EXMNCggb7A8xEwP86>
9. Hari pendaftaran bagi murid **asrama adalah pada 16 Februari 2025** manakala **hari pertama persekolahan adalah pada 17 Februari 2025**.
10. Pihak sekolah menggunakan Apple iPad bagi tujuan pembelajaran di dalam kelas. Pembelian Apple iPad pula boleh dibeli di kedai Apple Authorised Reseller terpilih bagi tujuan mendapatkan diskaun melalui surat pengesahan murid. Sila rujuk **lampiran 6** bagi mendapatkan senarai kedai tersebut.
11. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa / penjaga untuk sentiasa mengemaskini **nombor telefon, alamat surat menyurat dan emel** jika berlaku sebarang perubahan dalam pautan “EWaris / Parent Online” di laman sesawang [www.hidayah.edu.my](http://www.hidayah.edu.my) supaya pihak tuan/puan sentiasa mendapat maklumat sekolah yang terkini. Pihak sekolah tidak akan bertanggungjawab jika maklumat yang diedarkan tidak sampai kepada tuan/puan akibat kegagalan mengemaskini maklumat berkaitan.
12. Sekiranya tuan/puan mempunyai sebarang permasalahan atau kemusykilan berkenaan pembayaran yuran ini, sila hubungi pejabat di talian 07-453 0148 atau Pengetua di talian [018-9804880](tel:018-9804880) ( [WA](https://wa.me/018-9804880) | [TG](https://t.me/018-9804880) ).

Sekian untuk makluman dan perhatian tuan/puan. Segala kerjasama yang diberikan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**BERILMU BERAMAL MEMIMPIN**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJEED BIN ZULKIPLI)**

Pengetua,

Sek. Men. Islam Hidayah Pasirris Batu Pahat.

s.k – Bahagian Kewangan PPH

**KADAR YURAN BAGI SESI 2025**

Yuran-yuran yang perlu dijelaskan :

**JADUAL YURAN UNTUK SETAHUN BAGI SESI 2025**

\* Ibu bapa digalakkan untuk membuat pembayaran setahun seperti jadual berikut :

JENIS YURAN	Tingkatan 1			Tingkatan 2 & Tingkatan 3				Tingkatan 4 & Tingkatan 5			
	Dari SRIH	Bukan SRIH	BWN	Baru (WN)	Baru (BWN)	Lama (WN)	Lama (BWN)	Baru (WN)	Baru (BWN)	Lama (WN)	Lama (BWN)
<b>1. PENGAJIAN (YP) - Setahun</b>											
WN (Bulanan RM470*11)	5,170	5,170	6,160	5,170	6,160	5,170	6,160	5,170	6,160	5,170	6,160
BWN (Bulanan RM560*11)											
<b>2. PERSEKOLAHAN (Semasa daftar) :</b>											
2.1 Kurikulum	784	784	941	784	941	784	941	884	1,041	884	1,041
2.1.1 Kurikulum - Penggal 1	280	280		280		280		315		315	
2.1.2 Kurikulum - Penggal 2	260	260		260		260		295		295	
2.1.3 Kurikulum - Penggal 3	244	244		244		244		274		274	
2.2 Kokurikulum	200	200	240	200	240	200	240	200	240	200	240
2.2.1 Kokurikulum - Penggal 1	75	75		75		75		75		75	
2.2.2 Kokurikulum - Penggal 2	65	65		65		65		65		65	
2.2.3 Kokurikulum - Penggal 3	60	60		60		60		60		60	
2.3 Kemasukan - Murid Baru sahaja	300	385	462	385	462			385	462		
2.4 Pendaftaran - Murid Baru sahaja	600	600	720	600	720			600	720		
<b>3. PIBG (Seorang/keluarga - ahli termuda)</b>	50	50	50	50	50	50	50	50	50	50	50
<b>Jumlah Bayaran Semasa Pendaftaran</b>	<b>7,104</b>	<b>7,189</b>	<b>8,573</b>	<b>7,189</b>	<b>8,573</b>	<b>6,204</b>	<b>7,391</b>	<b>7,289</b>	<b>8,673</b>	<b>6,304</b>	<b>7,491</b>

**JADUAL YURAN YANG WAJIB DIJELASKAN SEMASA PENDAFTARAN BAGI SESI 2025**

\* Sekiranya tidak memilih pembayaran setahun seperti jadual di atas, bayaran yang perlu dijelaskan semasa pendaftaran (memilih bayaran yuran pengajian secara bulanan) adalah seperti berikut :

JENIS YURAN	Tingkatan 1			Tingkatan 2 & Tingkatan 3				Tingkatan 4			
	Dari SRIH	Bukan SRIH	BWN	Baru (WN)	Baru (BWN)	Lama (WN)	Lama (BWN)	Baru (WN)	Baru (BWN)	Lama (WN)	Lama (BWN)
<b>1. PENGAJIAN (YP) - Semasa Pendaftaran</b>											
WN (Bulanan RM470*11)	470	470	1,680	470	1,680	470	1,680	470	1,680	470	1,680
BWN (Bulanan RM560*11)											
<b>2. PERSEKOLAHAN (Semasa daftar) :</b>											
2.1 Kurikulum - (Penggal 1 - WN)	280	280	941	280	941	280	941	280	1,041	280	1,041
2.2 Kokurikulum - (Penggal 1 - WN)	75	75	240	75	240	75	240	75	240	75	240
2.3 Kemasukan - Murid Baru sahaja	300	385	462	385	462			385	462		
2.4 Pendaftaran - Murid Baru sahaja	600	600	720	600	720			600	720		
<b>3. PIBG (Seorang/keluarga - ahli termuda)</b>	50	50	50	50	50	50	50	50	50	50	50
<b>Jumlah Bayaran Semasa Pendaftaran</b>	<b>1,775</b>	<b>1,860</b>	<b>4,093</b>	<b>1,860</b>	<b>4,093</b>	<b>875</b>	<b>2,911</b>	<b>1,860</b>	<b>4,193</b>	<b>875</b>	<b>3,011</b>

## NOTA

\* **MURID BUKAN WARGANEGARA (BWN) diwajibkan membayar 3 BULAN AWAL** (Bayar yuran pertama hingga ketiga semasa pendaftaran, yuran keempat dan seterusnya **MESTI** dibayar mulai bulan Feb 2025 berturutan hingga bulan Sep 2025)

\*\* Murid baharu perlu menjelaskan Yuran Proses sebanyak RM50 yang dimasukkan ke dalam akaun sepertimana di bawah:

Akaun Bank Muamalat Malaysia Berhad  
(Sekolah Menengah Islam Hidayah Pasirris)

**01070001121718**

Ref: **WangProses\_NamaAnak**

**KADAR YURAN ASRAMA SETAHUN BAGI SESI 2025 (FEB 2025 - DIS 2025)**

PERKARA	Murid Lama		Murid Baharu	
	Banat	Banin	Banat	Banin
1. Pendaftaran - Sekali sahaja			150	150
2. Yuran Tahunan	280	280	280	280
3. Yuran Asrama (Feb 2025 - Dis 2025)	5,040	5,040	5,040	5,040
<b>Jumlah</b>	<b>5,320</b>	<b>5,320</b>	<b>5,470</b>	<b>5,470</b>

**YURAN YANG WAJIB DIJELASKAN SEMASA PENDAFTARAN**

- Sekiranya memilih pembayaran yuran asrama secara bulanan, jadual yuran yang perlu dijelaskan adalah seperti di bawah :

PERKARA	Murid Lama		Murid Baharu	
	Banat	Banin	Banat	Banin
1. Pendaftaran - Murid baharu sahaja			150	150
2. Yuran Tahunan	280	280	280	280
3. Yuran Asrama (Feb 2025 - Apr 2025)* - Bulan Feb RM240 - Bulan Mac RM480 - Bulan April RM480	1,200	1,200	1,200	1,200
<b>Jumlah Semasa Pendaftaran Asrama</b>	<b>1,480</b>	<b>1,480</b>	<b>1,630</b>	<b>1,630</b>

**\*\*Yuran Bulanan asrama awal tiga (3) bulan. Bayaran pertama hingga ke-3 semasa pendaftaran, yuran ke-4 dan seterusnya MESTI dibayar mulai bulan akhir bulan Feb 2025 hingga selesai pada Sep 2025.**

**KADAR CAJ BAGI TUMPANG ASRAMA (BAGI MURID HARIAN)**

KADAR TUMPANG ASRAMA	RM
Kadar sehari : 1-15 hari	24
Kadar sebulan : 16 - 30 hari	600

## Kaedah Umum Bayaran Yuran

- 1 Cara bayar :
  - a) MENGGUNAKAN aplikasi AWFATECH SENANGPAY
  - b) Cara bayaran adalah seperti berikut:
    1. Sila layari: my20.awfatech.com/hidayahjb
    2. Sila klik butang "Fee Payment"
    3. Masukkan No. Kad pengenalan penjaga & Klik butang "Login"
    4. Pilih Invois yang hendak dibayar & Klik butang "Pay" (tidak lebih 19 pilihan)
    5. Klik "Process Payment" untuk dapatkan jumlah bayaran
    6. Pilih & Klik samada melalui Online Payment FPX SenangPay (caj RM1 untuk SETIAP TRANSAKSI BANK) atau kad debit / kredit (2% daripada JUMLAH bayaran yang dipilih)
    7. Pilih bank yang ingin digunakan
    8. Klik "PAY" (Pastikan jumlah adalah betul)
    9. Ikut arahan seterusnya dari pihak bank yang dipilih sehingga selesai bayar & ada perkataan "Return to FPX"
    10. Akhir sekali Klik "Return to FPX" untuk mendapatkan resit bayaran secara automatik. Status resit: "SUCCESSFULLY". Cetak resit untuk rujukan akan datang
- 2 Perhatian : KEGAGALAN membayar YURAN PERSEKOLAHAN DAN PENGAJIAN pada masanya, boleh menyebabkan murid TIDAK dibenarkan MENGIKUTI PEMBELAJARAN di kelas seperti biasa.

### **NOTA**

- 1) Yuran Pengajian :
  - i) **Ibu bapa/penjaga** diberi **kelonggaran** untuk membayar secara **BULANAN TANPA TERTUNGGAK (Bayar yuran kedua dan seterusnya setiap bulan mulai bulan Februari 2025 hingga Disember 2025)**
  - ii) **Ibu bapa/penjaga** diberi **kelonggaran** untuk membayar secara **BULANAN TANPA TERTUNGGAK (Bayar yuran kedua dan seterusnya setiap bulan mulai bulan Februari hingga Disember 2025) MURID BUKAN WARGNEGARA diwajibkan** membayar **3 BULAN AWAL** (Bayar yuran **pertama hingga ketiga** semasa **pendaftaran**, yuran **keempat dan seterusnya MESTI** dibayar **setiap bulan mulai bulan Februari hingga bulan Oktober 2025)**
  - iii) **Murid ASRAMA (SMIH sahaja) diwajibkan** membayar yuran **BULANAN ASRAMA 3 BULAN AWAL** (Bayar yuran **pertama hingga ketiga** semasa **pendaftaran**, yuran **keempat dan seterusnya MESTI** dibayar **setiap bulan mulai bulan Februari hingga bulan Oktober 2025)**
- 2) **Semak STATUS BAYARAN** di Pautan : **Ewaris/parent online** di laman sesawang – [www.hidayah.edu.my](http://www.hidayah.edu.my) (HIJAU = TELAH DIBAYAR, BIRU = BELUM DIBAYAR, JINGGA = PROSES BAYAR)
- 3) Sebarang pertanyaan berkaitan yuran, boleh hubungi:
  - i) Pejabat Am : **07-453 0148** atau
  - ii) Telegram : **@Sekolahislamhidayahpasirris**
  - iii) Emel : [smih.bp@hidayah.edu.my](mailto:smih.bp@hidayah.edu.my)
- 4) Semua urusan berkaitan Pejabat Sekolah:
  - i) 7.45 pagi ~ 3.45 petang (Isnin ~ Khamis)
  - ii) 7.45 pagi ~ 12.00 petang (Jumaat)
  - iii) Waktu Rehat Tutup : Isnin ~ Khamis Jam 1~2 petang

## POLISI YURAN SEKOLAH ISLAM HIDAYAH

- 1 Kaedah bayar yuran adalah melalui aplikasi **FPX SenangPay SAHAJA**. Layari <https://my20.awfatech.com/hidayahjb/> Bayar dan cetak resit bayaran di sini "**FEE PAYMENT**".
- 2 **Bayaran pendaftaran sesi baru :**
  - 2.1 **Murid lama**
    - 2.1.1 Bayar Yuran Persekolahan, Yuran PIBG dan Yuran Pengajian (**minima 1 bulan untuk warganegara dan 3 bulan untuk bukan warganegara**) selewatnya 14 hari sebelum sesi baru bermula. Jika gagal berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas (**Rujuk surat bayaran pendaftaran sesi baru jika ada perubahan tarikh**)
    - 2.1.2 Murid yang tidak selesai bayaran yuran sesi semasa tidak dibenarkan membayar dan bersekolah untuk sesi baru serta boleh dikenakan tindakan undang-undang.
  - 2.2 **Murid baru**
    - 2.2.1 Bayar Yuran (Persekolahan dan PIBG) dan Yuran Pengajian (**minima 1 bulan untuk warganegara dan 3 bulan untuk bukan warganegara**) perlu diselesaikan sebelum hari pendaftaran seperti yang dinyatakan dalam surat **Tawaran Kemasukan**. Kegagalan berbuat demikian, nama murid tidak didaftarkan ke dalam senarai kelas.
- 3 **Yuran Pengajian** hendaklah dibayar secara pukul setahun/sesi, walaubagaimanapun:
  - 3.1 **Murid warganegara**
    - 3.1.1 Dibenarkan membayar secara bulanan, bayar yuran **bulan kedua** dan seterusnya **mulai bulan pertama sesi baru** persekolahan tanpa tertunggak, selewatnya pada 10hb.
    - 3.1.2 **Diskaun** diberikan kepada murid **SRIH (JB) dan SMIH (JB)** yang membayar yuran **setahun/sesi selewatnya** pada **akhir bulan pertama sesi baru**.
  - 3.2 **Murid bukan warganegara**
    - 3.2.1 Dibenarkan membayar yuran secara bulanan tetapi **sentiasa 3 bulan awal**. Bayar yuran **bulan keempat** dan seterusnya **mulai bulan pertama sesi baru** persekolahan tanpa tertunggak selewatnya pada 10hb.
- 4 **Yuran Tertunggak** (rujuk 2.1.1, 2.2.1, 3.1.1 dan 3.2.1). Tindakan lanjut adalah seperti berikut :
  - 4.1 **Satu** bulan tertunggak - Peringatan melalui **SMS/ Whatsapp**.
  - 4.2 **Dua** bulan tertunggak - Peringatan melalui **SMS/ Whatsapp** supaya membuat bayaran dalam tempoh 7 hari. Jika **tiada bayaran** yang dibuat, **minimum 2 bulan, notis tahan murid** melalui **surat, SMS/ Whatsapp** dan **emel** akan dihantar dengan memberi tempoh 7 hari sebelum penahanan sebenar dibuat. Kes hutang tertunggak akan/boleh diserahkan kepada peguam jika perlu.
  - 4.3 Jika ibu bapa/penjaga ingin **memberhentikan persekolahan** anaknya **kerana tunggakan yuran**, dokumen yang berkaitan seperti **Sijil Berhenti Sekolah** dan **dokumen** yang **berkaitan tidak akan dikeluarkan** sehingga **tunggakan yuran selesai**.
  - 4.4 Bagi kes penahanan murid (rujuk 4.2) dan permohonan berhenti (rujuk 4.3), **cara penyelesaian** hanyalah dengan **membayar penuh tunggakan yuran**.
  - 4.5 **Notis peringatn terakhir** untuk tahun semasa akan dikeluarkan **selewatnya 2 bulan** sebelum sesi baru persekolahan bermula.
- 5 **Pembatalan** kemasukan atau pendaftaran atau urusan keluar sekolah adalah seperti berikut :
  - 5.1 Sebelum sesi persekolahan bermula,
    - 5.1.1 Yuran Kemasukan tidak dikembalikan.
  - 5.2 Setelah sesi persekolahan bermula,
    - 5.2.1 Yuran Kemasukan dan Yuran Pendaftaran tidak akan dikembalikan.
    - 5.2.2 Yuran selain di 5.2.1 akan dikembalikan mengikut sesi persekolahan, kecuali Yuran PIBG.
  - 5.3 Murid yang masuk atau keluar di mana-mana hari di pertengahan kedua bulan perlu membayar setengah daripada Yuran Pengajian yang sepatutnya dibayar pada bulan tersebut.
  - 5.4 Sekiranya murid berhenti setelah **tamat silibus**, atau **selepas** mengambil **peperiksaan akhir tahun (PAT)** atau peperiksaan utama (**PPSR**), baki **Yuran Pengajian tahun/sesi semasa** perlu diselesaikan.
  - 5.5 Jika berhenti dari Sekolah Islam Hidayah Johor Bahru kerana berpindah ke Sekolah Islam Hidayah Batu Pahat atau sebaliknya, bayaran yuran adalah seperti berikut:
    - 5.5.1 Yuran Kemasukan dan Yuran PIBG perlu dibayar penuh, manakala Yuran Pendaftaran tidak perlu bayar.
    - 5.5.2 Yuran Kokurikulum, Yuran Kurikulum dan yuran Pengajian perlu dibayar mengikut tarikh kemasukan baharu.
- 6 **Murid yang sakit dan cuti berpanjangan atau tangguh belajar** (cuti sendiri), tetapi masih berminat untuk meneruskan persekolahan samada pada sesi semasa atau seterusnya, Yuran Pengajian perlu dibayar seperti biasa. Jika sebaliknya, murid perlu berhenti dan mendaftar baru jika ingin kembali ke sekolah (tertakluk kepada kekosongan tempat belajar).

- 7 **Pertukaran kewarganegaraan**
- 7.1 Permohonan perlu disertakan salinan **Sijil Kewarganegaraan Malaysia** yang dikeluarkan oleh Pendaftar Besar Warganegara dan salinan **Kad Pengenalan** baru yang telah disahkan oleh Pengetua atau Guru Besar.
- 7.2 Perubahan kadar yuran adalah seperti berikut:
- 7.2.1 Yuran Pengajian - Perubahan kadar yuran daripada bukan warganegara kepada warganegara adalah pada bulan berikutnya **daripada tarikh** pengesahan Pengetua atau Guru Besar.
- 7.2.2 Yuran Persekolahan - Perubahan kadar yuran daripada bukan warganegara kepada warganegara adalah bermula pada **sesi baru persekolahan** iaitu **pada tahun** berikutnya.
- 8 Kementerian Pendidikan Malaysia (**KPM**) memberi **kebenaran** kepada pihak sekolah, bahawa **kenaikan** setiap yuran **persekolahan, pengajian dan asrama** tidak melebihi **30%** dalam tempoh **3 tahun** seperti jadual berikut:

Sekolah	Tempoh		
	Johor Bahru	2020 – 2022	2023 – 2025
Batu Pahat	2021 – 2023	2024 – 2026	2027 - 2029

- 9 Yuran asrama (SMIH JB/BP)
- 9.1 Murid yang ada tunggakan yuran (samada yuran asrama atau yuran pengajian atau yuran persekolahan), tidak layak mohon tinggal di asrama.
- 9.2 Yuran asrama hendaklah sentiasa dibayar 3 bulan awal/kehadapan.
- 9.3 Bagi murid yang ingin menumpang asrama, perlu membayar yuran asrama sebelum masuk ke asrama.
- 9.4 Kadar yuran tumpang asrama adalah seperti berikut (dibundarkan) :
- 9.4.1 Kadar harian = (Kadar bulanan / 30 hari) x 1.5
- 9.4.2 Kadar sebulan / tumpang asrama melebihi 15 hari = Kadar sebulan x 1.25 (ada peruntukkan makanan walaupun telah tidak tumpang asrama dalam tempoh tersebut)
- 9.4.3 Tumpang Khas Asrama untuk murid SPM = Tahunan (RM50) + Kadar bulanan semasa
- 9.5 Jika keluar asrama :
- 9.5.1 Setelah sesi persekolahan bermula :
- 9.5.1.1 Tahunan Asrama akan dikembalikan mengikut sesi persekolahan
- 9.5.1.2 Yuran Asrama : Murid yang masuk atau keluar asrama di mana-mana hari di pertengahan kedua bulan perlu membayar 50% Yuran Bulanan Asrama.
- 9.6 Murid asrama yang keluar asrama selepas tamat peperiksaan PAT, perlu membayar 50% daripada Yuran Asrama sehingga habis sesi persekolahan (tiada makanan disediakan).
- 9.7 Jika ada tunggakan Yuran Asrama, tindakan akan diambil sama seperti tunggakan Yuran Pengajian, murid tidak dibenarkan tinggal di asrama sehingga tunggakan selesai dibayar.
- 10 Polisi ini adalah tertakluk kepada perubahan yang akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

#### **PENGAKUAN IBU / BAPA / PENJAGA**

Adalah dengan ini saya mengaku telah membaca peruntukan polisi di atas, faham dan bersetuju untuk mematuhi. Saya juga faham dan maklum bahawa pihak sekolah secara automatik akan melaksanakan sepenuhnya peruntukan polisi seperti yang dinyatakan, apabila saya bersetuju untuk menyekolahkan anak (anak-anak) saya di institusi di bawah kawalan PPH.

Yang benar,

.....  
 Ibu/Bapa/Penjaga  
 Nama :  
 No KP :  
 Tarikh :



**Lampiran 5**  
**(KHAS UNTUK MURID BAHARU SAHAJA)**

Sila lengkapkan senarai semak perkara-perkara berikut dan muatnaik dokumen yang dinyatakan pada pautan yang diberi.

Sila bawa bersama borang ini pada hari pertama pendaftaran asrama / sekolah.

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_  
Nama Sekolah Terdahulu : \_\_\_\_\_  
No. Telefon : \_\_\_\_\_

1. Salinan Kad Pengenalan bahagian hadapan dan belakang
2. Sijil Berhenti Sekolah Lama
3. Keputusan Akademik Terakhir Sekolah Lama (sekiranya ada)
4. Rekod Kesihatan Murid (Sekiranya ada)
5. Surat hak Penjagaan anak (bagi yang berkaitan)
6. Polisi Yuran yang telah ditandatangani oleh ibu bapa / penjaga (Lampiran 4)


\* Bukti pembayaran Yuran Proses sebanyak RM50.00 disertakan bersama dengan lampiran ini.

**Bank : Bank Muamalat Malaysia Berhad**

**No : 01070001121718**

**Ref : WangProses\_NamaAnak**

Serahan Bukti Pembayaran boleh dihantar melalui *whatsapp* di talian **011-2092 2031** dengan rujukan:

1. **Nama anak < ..... >**
2. **Kelas < ..... >**
3. **Wang Proses < ..... >**

**SENARAI KEDAI SWITCH TERPILIH**

1. Switch @ AEON Mall Bandar Dato Onn  
Lot F29, First Floor, Aeon Mall Kempas No. 3, Jalan Dato 'Onn, Bandar Dato 'Onn, 81100, Johor Bahru, Johor.
2. Switch @ AEON Bukit Indah  
Lot No: S18, Second Floor, AEON Bukit Indah Shopping Centre, No. 8, Jalan Indah 15/2, 81200 Johor Bahru, Johor.
3. Switch @ Paradigm Mall  
GF-82A, Ground Floor, Paradigm Mall, Jalan Skudai 81200 Johor Bahru, Johor.
4. Switch @ AEON Mall Kulai  
Lot F52, First Floor, AEON Mall Kulaijaya, PTD 106273, Persiaran Indahpura Utama, 81000, Johor.
5. Switch @ Batu Pahat Mall  
Lot G58, Ground Floor, Batu Pahat Mall, No. 325, Jln kluang, 83000 Batu Pahat, Johor.